



**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT JABATAN  
PERIKANAN MALAYSIA  
BERITA PERIKANAN HARI INI**

**18 Oktober 2024  
15 Rabiulakhir 1446H**

<b>SENARAI AKHBAR</b>	<b>TAJUK</b>
Utusan Malaysia	•
Berita Harian	•
Harian Metro	•
Kosmo !	•
Sinar Harian	• 598 kapal nelayan asing masuk 'pukat'
The Star	•
New Straits Time	•
Nanyang Siang Pau	•
Malaysia Gazette	• Perikanan serbu kedai akuarium, rampas 50 ikan larangan
The Sun	•
Malaysiakini	•
Bernama	•
Borneo Post (KK)	•
Guan Ming Daily	•
Sabah Media	•



JENIS AKHBAR							MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA		KOSMO !		THE STAR		NANYANG SIANG PAU		
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN	/	THE SUN		ORIENTAL DAILY		
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN:		POSITIF		NEGATIF	/	NEUTRAL		
							23	18.10.24



Antara nelayan warga asing ditahan selepas menceroboh dan mencuri hasil negara ketika Op Naga.

# 598 kapal nelayan asing masuk 'pukat'

451 daripadanya adalah kapal nelayan Vietnam

Oleh MUHAMMAD AFHAM RAMLI PUTRAJAYA

Sebanyak 598 tangkapan kapal nelayan asing dengan nilai rampasan berjumlah RM209 juta direkodkan sepanjang Op Naga dilaksanakan sejak Mei 2019 sehingga September lalu. Ketua Pengarah Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia, Laksamana Muda Maritim Datuk Mohd Rosli Abdullah berkata, sepanjang tempoh lima tahun, sebanyak 75 peratus tangkapan dilakukan melibatkan 451 kapal nelayan asing warga Vietnam termasuk 4,391 kru ditahan membabitkan nilai rampasan melebihi RM190 juta.

"Angka ini merupakan sebahagian jumlah kapal nelayan asing yang dikesan memasuki perairan negara.

"Pasukan keselamatan terlibat dalam Op Naga sentiasa melaksanakan pemantauan dalam usaha membanteras pencerobohan kapal-kapal nelayan asing yang mengaut hasil laut di perairan negara," katanya da-



Pihak berkuasa memeriksa kapal nelayan warga asing ketika Op Naga.



MOHD ROSLI

lam satu kenyataan pada Khamis.

Dalam pada itu, Mohd Rosli berkata, ancaman aktiviti perikanan secara haram tidak dilaporkan dan tidak dikawal perlu ditangani dengan kerjasama semua pihak.

Jelas beliau, jika tidak dibanteras, aktiviti tersebut menjejaskan habitat ekosistem marin, selain mengancam pembiakan benih ikan, sekaligus menjejaskan sumber pendapatan nelayan tempatan.

"Diharap Op Naga dapat diperkasakan lagi demi menjaga kedaulatan dan memastikan sumber

ekonomi negara sentiasa terpelihara," katanya.

Op Naga merupakan operasi bersepadu dikoordinasikan Maritim Malaysia yang melibatkan Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM), Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM), Jabatan Perikanan Malaysia (DOF), Jabatan Laut Malaysia (JLM), Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) dan Jabatan Pelabuhan dan Dermaga Sabah.

Turut terlibat ialah Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM), Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) serta Jabatan Perikanan Sabah.



# Perikanan serbu kedai akuarium, rampas 50 ikan larangan



NIBONG TEBAL – Meskipun sudah diberi amaran namun masih terdapat segelintir pengusaha ikan akuarium di negeri ini masih degil menjual dan mempamerkan spesies ikan hiasan larangan. Ketidakpatuhan pengusaha tersebut terbongkar selepas sepasukan pegawai dan anggota Perikanan Pulau Pinang merampas 50 jenis ikan larangan termasuk udang kara cherax dalam serbuan di beberapa kedai akuarium sekitar Seberang Perai Selatan (SPS) semalam.

Pengarah Perikanan Negeri Pulau Pinang, Zarina Zainuddin berkata, larangan penjualan beberapa spesies ikan hiasan yang ditakrif mengancam ekosistem hidupan tidak dihiraukan oleh sebilangan pengusaha ikan akuarium negeri ini membuatkan pihaknya mengambil tindakan penguatkuasaan.

“Spesies yang dirampas dalam serbuan itu adalah tiga ekor ikan alligator gar, udang kara cherax (9), ikan dari Genus Geophagus (11), ikan pacu (8), ikan peacock bass (4) ikan dari Pimelodidae (2) dan ikan flowerhorn (13). Secara keseluruhan nilai sitaan berjumlah RM8,800.

“Spesies ikan tersebut dilarang untuk mengimport, menjual, memelihara, mempamer mengikut Peraturan-Peraturan Perikanan (Larangan Import, DSB, Bagi Ikan) 1990 (Pindaan 2024) tanpa kebenaran bertulis daripada Ketua Pengarah Perikanan Malaysia.

# Perikanan serbu kedai akuarium, rampas 50 ikan larangan

"Rampasan dibuat selepas advokasi dan penerangan tentang peraturan ini dilaksanakan sejak dari tahun 2021 namun masih ada pengusaha yang ingkar," katanya kepada pemberita di sini. Mengulas lanjut Zarina berkata, pihaknya mengambil tindakan penguatkuasaan bagi menjamin kelestarian sungai di negeri ini.

"Kita nak menjaga ekosistem sungai, habitat ikan di perairan supaya keaslian spesies yang ada di sungai-sungai kita tidak terancam kerana ikan larangan ini dia bersifat dominan.

"Kita juga mohon orang awam yang tidak mampu membela ikan larangan tidak menjadikan sungai sebagai tempat buangan sebaliknya tampil secara sukarela dan berikan ikan tersebut kepada Jabatan Perikanan untuk tujuan pelupusan," katanya.

- **MalaysiaGazette**